

26 SEP 1986

Omar Din

B. Marjan (M)

ditahan

seminggu

MSB - JENAYAH

PETALING JAYA, Khamis — Perintah penahanan Mahaguru Silat Lincah, Haji Omar Din Mawai Din, 46, yang dikeluarkan oleh mahkamah majistret di sini semalam adalah untuk tempoh seminggu sahaja.

Jurucakap mahkamah majistret di sini berkata cuma pegawai penyiasat polis yang mengendalikan kes itu berhak memohon penahanan dilanjutkan atau mendakwa mahaguru itu mengikut kesalahan yang dilakukannya.

Mahaguru itu ditahan kerana didakwa menyerang dan mencederakan seorang anggota polis di Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang, semalam.